



## **TEKS UCAPAN**

**YBRS. TUAN ADI FAIZAL BIN AHMAD TARMIZI** A.M.S., P.P.T.  
**TIMBALAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI**  
**MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN JUN PERINGKAT MAJLIS**  
**PERBANDARAN SELAYANG**

**27 JUN 2023 | SELASA**

**9.00 PAGI | LOBI MENARA MPS**

Terima kasih pengacara majlis.

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera, Salam Selayangku

Sayang dan Salam Malaysia MADANI.

**Yang Amat Dihormatkan Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, Pegawai-pegawai, tuan-tuan, puan-puan warga MPS yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji milik Allah SWT. Selawat dan Salam ke atas Junjungan Tinggi Nabi Muhammad SAW. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita diberi ruang dan kesempatan untuk bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan Bulan Jun Peringkat Majlis Perbandaran Selayang pada hari ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia majlis pada pagi ini, sesungguhnya penganjuran majlis ini membuktikan komitmen dan semangat kerjasama yang tinggi antara warga MPS.

### **TAHNIAH PENGARAH BAHARU**

3. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Puan Suhaila binti Abdul Hamid yang telah dilantik sebagai Pengarah Jabatan Perundangan dan Tuan Haji Mohd Syukri bin Abdullah Zawawi yang telah dilantik sebagai Pengarah Jabatan Bangunan berkuatkuasa pada 1 Jun 2023.
4. Ini adalah pencapaian yang menunjukkan sifat dedikasi, kepimpinan dan kecekapan anda dalam bidang ini dan kepada Jabatan anda. Sebagai Pengarah Jabatan, anda memainkan peranan penting dalam pengurusan untuk memimpin, mengarah dan memastikan bahawa jabatan ini beroperasi dengan cekap, memberikan perkhidmatan berkualiti dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

5. Tahniah sekali lagi saya ucapkan dan saya berharap pengarah dapat membimbing jabatan ke tahap yang lebih tinggi.

## **SELAMAT DATANG KAKITANGAN BAHARU**

6. Untuk makluman, pada 1 Jun 2023 juga, MPS telah menerima seramai 55 lantikan baharu merangkumi jawatan tetap, kontrak dan MySTEP. Saya mewakili pengurusan MPS mengucapkan tahniah dan selamat datang ke MPS yang memperkasa pengurusan perbandaran ke arah komuniti harmoni, kehidupan lestari serta persekitaran mampan.
7. Anda semua telah dipilih sebagai sebahagian daripada kakitangan MPS kerana kebolehan dan potensi anda sendiri. Saya percaya anda semua memberikan sumbangan kepada pentadbiran ini dan membantu memajukan matlamat MPS untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat.
8. Saya ingin mengingatkan kita di MPS adalah sebuah pasukan yang menghargai kerjasama, profesionalisme, dan semangat untuk berusaha untuk mencapai keunggulan. Saya juga ingin menggariskan bahawa pentadbiran di MPS menghargai kepelbagaian dan inklusiviti. Setiap individu membawa perspektif yang unik dan saya percaya bahawa kepelbagaian itu adalah kekuatan kita. Kami di MPS bersedia untuk membantu dan menyokong anda semua dalam menjalankan tugas di MPS.

9. Sekali lagi, tahniah dan selamat datang ke MPS. Mari bersama-sama kita bangunkan MPS demi masa depan yang lebih baik dan memberikan perkhidmatan yang unggul kepada rakyat. Saya berharap anda akan mendapatkan pengalaman kerjaya yang bermakna, penuh pencapaian, dan memenuhi aspirasi anda semua.

YAD Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

### **PELAKSANAAN PENGAUDITAN EKSA MPS**

10. Untuk makluman, Pelaksanaan Pengauditan EKSA Bilangan 1 2023 akan dilaksanakan mulai 3 hingga 7 Julai 2023. Pengauditan ini dijalankan di semua zon dan penilaian yang dibuat adalah untuk Kriteria Keperluan Utama Pelaksanaan Zon (Komponen A), Ruang Pejabat (Komponen B), Tempat Umum (Komponen C), Keselamatan Persekutaran (Komponen D).

11. EKSA ialah singkatan kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam. Ia diterajui oleh pihak MAMPU (Unit Permodalan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia), dan merupakan penjenamaan semula bagi Pelaksanaan Amalan 5S Sektor Awam (2010). EKSA bertujuan meningkatkan budaya kecemerlangan organisasi agar lebih berimej korporat dalam melahirkan idea dan aktiviti yang kreatif dan inovatif.

12. Oleh yang demikian, setiap zon diminta untuk membuat persediaan sebelum kedatangan Juruaudit EKSA bagi menilai

tahap pelaksanaan EKSA di setiap zon. Saya mohon kerjasama dan komitmen daripada semua zon agar pelaksanaan audit ini berjalan dengan lancar.

## **PORATAL MY-ESIM**

13. Dalam usaha untuk mengurangkan tunggakan hasil, MPS telah mengadakan sekatan ke atas rangkaian Sistem Integrasi Majlis dengan mewujudkan satu portal semakan bil-bil iaitu portal My-ESIM yang boleh diakses melalui pautan [www.my-esim.mps.gov.my](http://www.my-esim.mps.gov.my).
14. Setiap Jabatan dikehendaki menggunakan portal My-ESIM bagi menyemak tunggakan hasil di MPS sebelum memproses setiap permohonan yang diterima di Jabatan.
15. MPS telah mengorak selangkah ke hadapan dengan membuka portal My-ESIM kepada orang awam untuk semakan kendiri. Pemilik yang ingin menghantar sebarang permohonan di MPS boleh menyemak tunggakan hasil terlebih dahulu di portal dan seterusnya membuat bayaran. MPS hanya menerima permohonan sekiranya Sijil E-SIM iaitu sijil yang menunjukkan tiada tunggakan hasil dikemukakan kepada jabatan yang akan memproses permohonan pemilik.

YAD Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

## **SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILADHA**

16. Alhamdulillah, tiba lagi saat yang mulia untuk kita semua umat Islam menyambut Hari Raya Aidiladha. Aidiladha merupakan hari yang penuh dengan makna dan keberkatan. Ia mengingatkan kita akan kesabaran, pengorbanan, dan keikhlasan Nabi Ibrahim (AS) dalam menghadapi ujian yang besar.
17. Sambutan Aidiladha memberi kita peluang untuk merenung dan meningkatkan hubungan kita dengan Allah SWT serta memperkasa ikatan kekeluargaan dan persaudaraan. Ia mengajar kita untuk bersedia berkongsi dan memberi kepada mereka yang memerlukan, menjalin keharmonian dan kasih sayang.
18. Akhir kata, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha. Berhati-hati ketika pulang ke kampung halaman. Semoga keberkatan dan rahmat Allah sentiasa melimpah ruah dalam hidup kita semua. Maaf zahir dan batin jika ada tersilap dan terkasar bahasa daripada saya.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.